

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PUSAT SERENTI BESUT TURANGGANU

DISEDIAKAN OLEH :

BURHANUDIN BIN MAT AMIN
SARJANA MUDA SAINS
(POLISI AWAM DAN SEKTARANS)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGAJIAN AM
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SARAWAK DAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)

2002

1100032991


0032991 Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Perdustakaan Malaysia (KUSTEM)

LI 8 FPE 1 2002



1100032991

Laporan akhir latihan industri di Pusat Serenti Besut Terengganu / Burhanudin Mat Amin.



PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100032991

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTODI

Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berdasarkan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. **Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM** tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PUSAT SERENTI BESUT TERENGGANU

Oleh

BURHANUDIN BIN MAT AMIN
Sarjana Muda Sains
(Polisi Awam Dan Sekitaran)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengajian Am
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2002

1100032991

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnianya dapat saya menyiapkan laporan Latihan Industri ini dengan jayanya. Malah dengan nikmat kesihatan yang diberikanNya telah membolehkan saya menghadirkan diri sepanjang latihan saya dengan Pusat Serenti Besut Terengganu.

Sememangnya jutaan terima kasih kepada pihak Pusat Serenti Besut Terengganu amnya dan Agensi Dadah Kebangsaan Terengganu kerana membenarkan saya menjalani latihan industri ini. Malah pengenalan dan pendedahan yang diberikan amat bermakna buat saya. Tidak lupa juga buat Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, penyelia latihan industri, pensyarah-pensyarah serta semua kakitangan Jabatan Pengurusan dan Ekonomi kerana banyak membantu saya sebelum serta semasa menjalani latihan industri.

Ribuan terima kasih juga ingin saya hulurkan buat Haji Nik Zuraidi bin Haji Othman selaku Komandan di Pusat Serenti Besut Terenggannu kerana menerima saya untuk menjalani latihan industri di Pusat Serenti tersebut. Tidak ketinggalan juga buat En Abdul Mutalib bin Abdullah ketua di bahagian kaunseling dan juga selaku penyelia saya di Pusat Serenti Besut Terengganu serta semua anggota kerja Pusat Serenti Besut Terengganu. Sememangnya segala nasihat, tunjuk ajar serta segala ilmu yang dicurahkan tidak sesekali akan saya lupakan

Terima kasih juga saya ucapkan buat ibu bapa, ahli keluarga serta teman-teman setia kerana banyak memberi nasihat dan perangsang sepanjang saya menjalani latihan ini. Sememangnya segala jasa dan sumbangan yang kalian hulurkan tidak dapat untuk saya membalaunya dan semoga Allah saja yang dapat membalaunya. Sekian Terima Kasih.

PRAKATA

Latihan industri dijalankan untuk mendedahkan pelajar kepada pengalaman dan kemahiran asas profesional pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian masing-masing. Selain itu dengan menjalankan latihan industri pelajar-pelajar dapat mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah ke dalam alam realiti pekerjaan.

Pelajar juga dapat menjalankan dan mengekalkan hubungan dengan alam profesional dalam bidang pengajian masing-masing. Dengan menjalankan latihan industri pelajar dapat memahami nilai etika profesional masing-masing dan menunjukkan kebolehan dalam pekerjaan dan seterusnya mendapat peluang pekerjaan apabila bergraduat nanti.

Pelajar juga berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung suatu bidang pekerjaan . Pada masa yang sama , pelajar juga berpeluang mempelajari aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi sesebuah agensi itu.

KANDUNGAN.**HALAMAN**

PENGHARGAAN	i
PRAKATA	iii
ISI KANDUNGAN	iv
ABSTRAK	vi
PENGENALAN	1
BAB I	
LATAR BELAKANG ORGANISASI	3
1.1 Pengenalan Kepada PBST	3
1.2 Objektif	6
1.3 Piagam	7
MAKLUMAT ORGANISASI	8
CARTA ORGANISASI	9
AKTIVITI ORGANISASI	10
1.1 Bahagian Pentadbiran	10
1.2 Unit Pendaftaran Dan Rekod	11
1.3 Unit Kaunseling	13
1.4 Unit Perubatan	15
1.5 Unit Sukan Dan Rekriasi	17
1.6 Hal-Ehwal Keagamaan	19
KESIMPULAN	20
KEMAHIRAN DAN MATLAMAT YANG INGIN DICAPAI DALAM LATIHAN INDUSTRI	22

BAB II	PEGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN	24
2.1	Bahagian Pentadbiran	26
2.2	Unit Kaunseling	30
2.3	Unit Kawalan Dan Keselamatan	35
	ANALISIS MASALAH DAN PERBINCANGAN KESELURUHAN PENEMUAN	40
2.1	Rumusan Analisis Dan Perbincangan	40
2.2	Cadangan Dan Penyelesaian	43
2.3	Perlaksanaan Cadangan Dan Implikasi	48
	PENUTUP	50
	RUJUKAN	52
	LAMPIRAN	53

ABSTRAK

Pusat Serenti Besut Terengganu adalah sebuah organisasi yang banyak menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kepada penghuninya. Segala kerja-kerja yang berkaitan dengan hal-ehwal pentadbiran dan pengurusan pusat adalah di bawah kelolaan Tuan Komandan dan ia dibantu oleh anggota kerja yang lain.

Sepanjang saya ditugaskan di unit pentadbiran, unit kaunseling, unit perubatan dan unit rekod saya banyak didedahkan dengan selok-belok hal pentadbiran dan di waktu inilah saya dapat mengesan bahawa terdapat sedikit masalah yang wujud di unit terbabit.

Masalah ini adalah berkaitan dengan nilai tanggunjawab pekerja terhadap kerja yang dilaksanakan, begitu juga dengan kekurangan alatan kemudahan atau infrasturtur yang terdapat di Pusat Serenti Besut Terengganu.

Jika dilihat daripada masalah yang timbul, pihak Agensi Dadah Kebansaan Terengganu juga harus bertanggunjawab kepada masalah ini. Kita atau masyarakat sekeliling tidak seharusnya meletakkan kesalahan tersebut kepada Pusat Serenti Besut sahaja, ini kerana sesuatu masalah yang timbul juga ekoran daripada ketidaktanggunjawaban pihak ADK kepada Pusat Serenti tersebut.

Pihak ADK seharusnya mengambil langkah di dalam menangani masalah ini. Ini penting kerana pekerja-pekerja Pusat Serenti Besut tidak mengambil sebarang inisiatif dan pada tanggapan mereka bahawa masalah yang wujud bukan tugas mereka untuk menguruskannya.

Sebagai kesimpulan dapatlah dirumuskan bahawa sebarang masalah yang wujud boleh diatasi sekiranya semua pihak memainkan peranan masing-masing di dalam menangani masalah yang timbul.